

16/12/2000

Tuntutan Suqiu, Sekolah Wawasan jadi isu utama

Teh Kean Kiat

ISU Sekolah Wawasan dan tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) masih hangat dibincangkan oleh masyarakat Cina, terutama ahli politik dan menjadi tajuk perbincangan ketiga-tiga akhbar utama berbahasa Cina sepanjang minggu lalu.

Semalam, kolum komen isu semasa Sin Chew Jit Poh menasihatkan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) supaya jangan menggunakan pendekatan 'membakar rumah untuk memanggang seekor ayam'.

Akhbar itu menyifatkan tindakan GPMS mengadakan perhimpunan di ibu negara kelmarin untuk mendesak Suqiu menarik balik tuntutan sebagai mengecewakan dan mengandungi unsur hasutan.

Perhimpunan itu dikatakan mengutarakan banyak pandangan menyalahi hak asasi manusia yang akan menyebabkan rakyat yang rasional berasa terhina.

Selain itu, akhbar itu menganggap tindakan GPMS menggunakan belia yang belum matang boleh mencetuskan kecurigaan orang ramai mengenai motif sebenar perhimpunan itu.

Menurut penulis, masyarakat Cina berasa bosan dan risau terhadap isu Suqiu dan Sekolah Wawasan yang sudah dipolitikkan sehingga menjadi alasan dan alat pertelingkahan di arena politik.

Penulis berpendapat percakapan yang beremosi akan hanya mendapat sokongan buat sementara waktu, tetapi tidak dapat menandingi fikiran yang tenang kerana sokongan rakyat hanya diberi terhadap suara rasional.

Sementara itu, Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dipetik Sin Chew Jit Poh keluaran Khamis lalu sebagai berkata, hanya kira-kira dua hingga tiga peratus daripada tuntutan Suqiu yang membabitkan isu hak keistimewaan orang Melayu tidak boleh diterima.

Beliau berkata, sesetengah tuntutan Suqiu boleh diterima dengan segera manakala sebahagian lagi harus dibincang menerusi Majlis Perundangan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II).

Katanya, tuntutan untuk menghapuskan hak keistimewaan orang Melayu adalah isu sensitif dan ia hanya boleh dibincang pada masa, tempat dan melalui saluran bersesuaian.

Kelmarin, Yang di-Pertua Dewan Negara, Datuk Michael Chen Wing Sum dipetik China Press sebagai berkata, masyarakat Cina perlu mengukuhkan pendidikan, meningkatkan kualiti kaum dan dalam pelbagai bidang supaya dihormati dan disayangi oleh kaum lain.

Nanyang Siang Pau pada edisi Rabu pula memetik Chen sebagai berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengkritik masyarakat Cina kerana beliau masih mengambil berat terhadap orang Cina.

Katanya, Dr Mahathir berbuat demikian dipercayai berpunca daripada halangan yang dihadapinya dalam proses membina sebuah negara yang maju dan harmoni.

Dalam perkembangan lain, Naib Presiden MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn dipetik Sin Chew Jit Poh Sabtu lalu sebagai berkata, Kabinet sudah memutuskan untuk menukar Sekolah Wawasan kepada Kompleks Sekolah Wawasan.

Jika perlu, katanya, kerajaan akan memperluaskan kawasan Kompleks Sekolah Wawasan untuk membina sekolah menengah bagi menjadikannya pusat pendidikan di kawasan bandar dan desa.

Beliau berkata, Kompleks Sekolah Wawasan tidak memerlukan satu jawatankuasa penyelaras kerana sebarang penyelarasan boleh dibuat menerusi perbincangan antara pihak berkuasa sekolah masing-masing.

Katanya, keputusan itu dicapai untuk menghapuskan kebimbangan masyarakat

Cina terhadap pelaksanaan konsep Sekolah Wawasan dan mencerminkan keikhlasan kerajaan.

Beliau berkata, sekolah baru harus dibina berdasarkan konsep Kompleks Sekolah Wawasan. Bagaimanapun, kerajaan turut memberi jaminan untuk membina SRJKC baru berdasarkan keperluan setiap kawasan.

Katanya, MCA menyokong pelaksanaan Sekolah Wawasan bagi memperoleh tanah dan peruntukan kerajaan untuk membina SRJKC baru.

Tambahnya, MCA akan membantu SRJKC untuk berpindah dan ia tidak semestinya akan disenaraikan dalam program Sekolah Wawasan.

Sementara itu, pertubuhan pendidikan Cina, Dong Zong, dalam laporan Sin Chew Jit Poh edisi Ahad menyeru kerajaan supaya mendirikan sekurang-kurangnya 26 SRJKC lagi untuk menampung keperluan pelajar yang semakin meningkat termasuk lebih 60,000 pelajar bukan Cina.

Sementara itu, menurut kajian Persatuan Bahasa Cina Universiti Malaya (UM), 86 peratus pelajar institut pengajian tinggi (IPT) berbangga dengan Malaysia dan hanya 13 peratus mempunyai pandangan sebaliknya.

Daripada angka itu, 86 peratus penuntut IPT yang berpendidikan Cina berbangga dengan Malaysia berbanding 83 peratus penuntut IPT yang berpendidikan Melayu.

Selasa lalu, ketiga-tiga akhbar utama berbahasa Cina melaporkan Dong Jiao Zong - gabungan pertubuhan pendidikan Cina, menyokong tindakan kerajaan untuk menghidupkan semula Rancangan Integrasi Pelajar 1985 dan mengalu-alukan semua pihak mengadakan dialog berhubung rancangan itu.

(END)